

**SULIT**



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**JABATAN PERDAGANGAN**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SESI JUN 2018**

**DPB3063: BUSINESS LAW**

---

**TARIKH : 15 NOVEMBER 2018  
MASA : 8.30 PAGI - 10.30 PAGI (2 JAM)**

---

Kertas ini mengandungi **DUA PULUH (20)** halaman bercetak.

Bahagian A: Objektif (25 soalan)  
Bahagian B: Esei (3 soalan)

Dokumen sokongan yang disertakan : Tiada

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIARAHKAN**

(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)

**SULIT**

**INSTRUCTION:**

This section consists of TWENTY (25) objective questions. Mark your answers in the OMR form provided.

**ARAHAN:**

Bahagian ini mengandungi DUA PULUH (25) soalan objektif. Tandakan jawapan anda di dalam borang OMR yang disediakan.

CLO1  
C1

1. Sources of law in Malaysia consists of written and unwritten law. Following are the written law EXCEPT;  
*Sumber undang-undang di Malaysia terdiri dari undang-undang bertulis dan tidak bertulis. Berikut adalah sumber undang-undang bertulis KECUALI;*

- A. Act  
*Akta*
- B. Constitution  
*Perlembagaan*
- C. Judicial Precedent  
*Duluan Kehakiman*
- D. Enactment  
*Enakmen*

CLO1  
C1

2. Examples of unwritten law in Malaysia are \_\_\_\_\_.  
*Contoh undang-undang tidak bertulis di Malaysia adalah \_\_\_\_\_*
- i. Consideration  
*Balasan*
  - ii. English law  
*Undang-undang Inggeris*
  - iii. Temenggong Customs  
*Adat Temenggong*
  - iv. Judicial decisions  
*Keputusan mahkamah*

SULIT

- A. i, ii and iii  
*i, ii dan iii*
- B. ii, iii and iv  
*ii, iii dan iv*
- C. i, iii and iv  
*i, iii dan iv*
- D. i, ii, iii and iv  
*i, ii, iii dan iv*

CLO1

C1

3. All of the followings are the subordinate courts EXCEPT;  
*Semua yang berikut adalah mahkamah rendah KECUALI;*
- i. High Court  
*Mahkamah Tinggi*
  - ii. Court of Appeal  
*Mahkamah Rayuan*
  - iii. Magistrate Court  
*Mahkamah Majistret*
  - iv. Federal Court  
*Mahkamah Persekutuan*
- A. i, ii and iii  
*i, ii dan iii*
  - B. i, ii and iv  
*i, ii dan iv*
  - C. ii, iii and iv  
*ii, iii dan iv*
  - D. i, ii, iii and iv  
*i, ii, iii dan iv*

CLO1  
C1

4. All of the followings are the superior courts EXCEPT;  
*Semua yang berikut adalah mahkamah atasan KECUALI;*

- A. High Court  
*Mahkamah Tinggi*
- B. Federal Court  
*Mahkamah Persekutuan*
- C. Court of Appeal  
*Mahkamah Rayuan*
- D. Session Court  
*Mahkamah Sesyen*

CLO1  
C1

5. This court may hear civil and criminal actions. The jurisdiction of a civil suit is when the amount in dispute or the value of the subject matter does not exceed RM1,000,000. The above statement refers to \_\_\_\_\_.  
*Mahkamah ini boleh mendengar tindakan civil dan jenayah. Bidang kuasa civil di mana nilai tuntutan tidak melebihi RM1,000,000.*  
*Kenyataan di atas merujuk kepada \_\_\_\_\_.*

- A. Court of Appeal  
*Mahkamah Rayuan*
- B. Session Court  
*Mahkamah Sesyen*
- C. Magistrate Court  
*Mahkamah Majistret*
- D. High Court  
*Mahkamah Tinggi*

CLO1  
C1

6. The jurisdiction of High Court are as follows EXCEPT;  
*Bidang kuasa Mahkamah Tinggi adalah seperti berikut KECUALI;*
- A. Appellate jurisdiction  
*Bidang kuasa rayuan*
  - B. Original jurisdiction  
*Bidang kuasa asal*
  - C. Supervisory jurisdiction  
*Bidang kuasa semakan*
  - D. Hear any disputes between any State and the Federal Government  
*Mendengar apa-apa pertikaian di antara mana-mana negeri dan Kerajaan Persekutuan*
7. The division of separation of power in Malaysia consists of \_\_\_\_\_.  
*Pembahagian pemisahan kuasa dalam sistem pentadbiran Malaysia merangkumi \_\_\_\_\_.*
- A. executive, legislative and judiciary  
*eksekutif, perundangan dan kehakiman*
  - B. executive, legislative and federation  
*eksekutif, perundangan dan persekutuan*
  - C. executive, judiciary and nation  
*eksekutif, kehakiman dan bangsa*
  - D. executive, parliament and federation  
*eksekutif, parlimen dan persekutuan*

CLO2 C1 8. It is presumed that the parties do not intend to create legal relations in \_\_\_\_\_.  
*Pihak-pihak yang terlibat dianggap sebagai tidak mempunyai niat untuk menguatkuasakan perjanjian tersebut di dalam \_\_\_\_\_.*

- A. business agreements  
*perjanjian perniagaan*
- B. all agreements  
*semua perjanjian*
- C. social and domestic agreements  
*perjanjian social dan domestik*
- D. commercial agreements  
*perjanjian komersial*

CLO2 C1 9. When does a contract become legally binding?  
*Bilakah sesuatu kontrak terikat dengan undang-undang?*

- A. On a date agreed by the parties  
*Mengikut tarikh yang dipersetujui oleh pihak-pihak yang terlibat*
- B. When there is an offer rather than an invitation to treat  
*Apabila wujudnya tawaran dan bukannya pelawaan tawaran*
- C. All elements of contract has been fulfilled  
*Semua elemen kontrak telah dipenuhi*
- D. The next day  
*Pada keesokan harinya*

CLO2 C1 10. Which of the following is not the element of a valid contract?  
*Yang manakah bukan elemen untuk pembentukan kontrak yang sah?*

- A. Legal representation  
*Wakil yang sah*
- B. Offer  
*Pelawaan*
- C. Acceptance  
*Penerimaan*
- D. Consideration  
*Balasan*

CLO2  
C2

11. Section 19 of the Contracts Act 1950 provides that the agreement is a contract voidable at the option of the party whose consent was so caused by one or more of the followings EXCEPT;

*Seksyen 19 Akta Kontrak 1950 memperuntukkan bahawa perjanjian adalah kontrak yang boleh dibatalkan atas pilihan pihak yang persetujuannya disebabkan oleh satu atau lebih daripada yang berikut KECUALI;*

- A. Fraud  
*Penipuan*
- B. Coercion  
*Paksaan*
- C. Illegality  
*Tidak sah*
- D. Misrepresentation  
*Salahnyataan*

CLO2  
C2

12. A counter offer destroys the original offer based on the decided case of

*Tawaran balas memusnahkan tawaran asal berdasarkan kes \_\_\_\_\_.*

- A. Carlill v Carbolic Smoke Ball Co. Ltd [1893] 1 QB 256  
*Carlill v Carbolic Smoke Ball Co. Ltd [1893] 1 QB 256*
- B. Harrison v Nickerson [1873] LR8 QB 286  
*Harrison v Nickerson [1873] LR8 QB 286*
- C. Felthouse v Bindley [1862] 142 ER 1037  
*Felthouse v Bindley [1862] 142 ER 1037*
- D. Hyde v Wrench [1840] 3 Beav 344-49 ER 132  
*Hyde v Wrench [1840] 3 Beav 344-49 ER 132*

SULIT

CLO2  
C2

13. Which of the following is an example of void agreement?  
*Manakah antara berikut adalah perjanjian yang dianggap batal?*
- Agreement caused by fraud  
*Perjanjian disebabkan tipuan*
  - Agreement which the terms are uncertain  
*Perjanjian dengan terma yang tidak pasti*
  - Agreement caused by coercion  
*Perjanjian disebabkan paksaan*
  - Agreement caused by misrepresentation  
*Perjanjian disebabkan salahnyataan*

CLO2  
C2

14. The doctrine of frustration in contract applies in the following situations EXCEPT;  
*Doktrin kekecewaan dalam kontrak berlaku dalam keadaan-keadaan di bawah KECUALI;*
- Physical impossibility because of destruction of subject matter  
*Kegagalan fizikal disebabkan oleh kemusnahan perkara utama*
  - Change in law rendering performance impossibility  
*Perubahan pada undang-undang menyebabkan kegagalan perlaksanaan*
  - Impossibility due to non-occurrence of basic event to contract  
*Kegagalan disebabkan tidak berlaku perkara am terhadap kontrak*
  - Performance of the contract can be made by a third party  
*Perlaksanaan kontrak boleh dibuat oleh pihak ketiga*

CLO2  
C3

15. Identify a VALID contract due to certainty in the following situations:  
*Kenalpasti kontrak yang SAH merujuk kepada ketentuan di antara situasi di bawah:*
- A. Ali agrees to sell to Abu 10 bottles of oil. Abu is a supplier of various kinds of oils  
*Ali bersetuju untuk menjual kepada Abu 10 botol minyak. Abu adalah pembekal pelbagai jenis minyak*
  - B. Ali agrees to sell to Abu 10 kilograms of rice. Abu is a supplier of various brands of rice  
*Ali bersetuju untuk menjual kepada Abu 10 kilogram beras. Abu adalah pembekal pelbagai jenama beras*
  - C. Ali agrees to sell all rambutans in his rambutan tree with certain price to Abu  
*Ali bersetuju untuk menjual semua rambutan di pokok rambutannya dengan harga tertentu kepada Abu*
  - D. Ali agrees to sell all rambutans in his rambutan tree to Abu for RM100 or RM200 only  
*Ali bersetuju untuk menjual semua rambutan di pokok rambutannya kepada Abu dengan harga RM100 atau RM200 sahaja*
16. Which of the following is NOT an exception to the general rule of consideration?  
*Yang manakah antara pernyataan berikut BUKAN pengecualian kepada kaedah am balasan?*
- A. Contract made on account of natural love and affection  
*Kontrak dibuat atas dasar kasih sayang*
  - B. Contract to compensate a past voluntary act  
*Kontrak untuk menggantikan perbuatan sukarela masa lalu*
  - C. Contract where the consideration is not adequate  
*Kontrak di mana balasan tidak mencukupi*
  - D. Contract to pay a statute-barred debt  
*Kontrak untuk membayar hutang yang terhapus*

SULIT

CLO2  
C1

17. Among rights and duties laid down in Section 26 of the Partnership Act 1961 are \_\_\_\_\_.  
*Antara hak dan tanggungjawab yang digariskan dalam Seksyen 26 Akta Perkongsian 1961 adalah \_\_\_\_\_.*

- i. advance payment in excess capital, the partners are entitled to 8% per annum  
*bayaran pendahuluhan yang melebihi modal, pekongsi berjak mendapat 8% setahun*
  - ii. not entitled to receive any benefits if the profits have not been calculated  
*tidak berhak mendapat faedah sekiranya keuntungan belum dikira*
  - iii. can take part in business management  
*boleh mengambil bahagian dalam pengurusan perniagaan*
  - iv. partners are not entitled to receive wages or salary  
*pekongsi tidak berhak menerima upah atau gaji*
- A. i and ii  
*i dan ii*
- B. i, ii, and iii  
*i, ii dan iii*
- C. ii, iii and iv  
*ii, iii dan iv*
- D. All of the above  
*Semua di atas*

SULIT

18. A partnership is dissolved by way of \_\_\_\_\_.  
*Perkongsian boleh dibubarkan melalui \_\_\_\_\_:*

- i. ratification  
*pengesahan*
  - ii. agreement  
*perjanjian*
  - iii. death or bankruptcy  
*kematian atau kebankrapan*
  - iv. express appointment  
*pelantikan secara nyata*
- A. i and ii  
*i dan ii*
- B. ii and iii  
*ii dan iii*
- C. iii and iv  
*iii dan iv*
- D. i and iv  
*i dan iv*

CLO2  
C1

SULIT

SULIT

CLO2  
C2

19. Which of the followings describes the differences between company, partnership and sole proprietorship?

*Manakah antara berikut menerangkan perbezaan di antara syarikat, perkongsian dan milikan tunggal?*

- A. A company is an entity separate from its members but not for partnership and sole proprietorship  
*Syarikat merupakan entiti yang berasingan daripada ahlinya namun tidak kepada perkongsian dan milikan tunggal*
- B. Only sole proprietorship must be registered under Companies Commission of Malaysia, but not company and partnership  
*Hanya milikan tunggal perlu didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia tetapi syarikat dan perkongsian*
- C. Sole proprietorship and partnership consist of only one member while there is no maximum members in company  
*Milikan tunggal dan perkongsian terdiri daripada seorang ahli sahaja manakala tiada bilangan maksima untuk syarikat*
- D. Company and partnership must keep their business information for themselves but the owner in sole proprietorship may share the business information  
*Syarikat dan perkongsian mesti menyimpan maklumat perniagaan untuk dirinya tetapi pemilik milikan tunggal boleh berkongsi maklumat perniagaan*

CLO2  
C1

20. Agency may be created by all means EXCEPT;  
*Agensi boleh diwujudkan oleh kesemua cara berikut KECUALI;*

- A. express appointment  
*perlantikan nyata*
- B. necessity  
*keperluan*
- C. implied appointment  
*perlantikan tersirat*
- D. performance  
*pelaksanaan*

SULIT

CLO2  
C2

21. Which of these statements is NOT TRUE about ratification of an agent?  
*Yang manakah di antara kenyataan di bawah TIDAK BENAR tentang pengesahan seorang agen?*
- An agent who is appointed has exceeded his authority  
*Agen yang dilantik melampaui kuasanya*
  - An unauthorized agent acted as if he has the authority  
*Agen yang tidak dilantik bertindak seolah-olah dia mempunyai kuasa*
  - The agent does not have a principal  
*Agen tidak mempunyai prinsipal*
  - The principal have full knowledge of the rectified matters  
*Prinsipal mempunyai pengetahuan tentang perkara yang disahkan*

An agent owns duty to obey and act accordance the principal's instruction. He cannot delegate his authority to others, if he fails, the principal may repudiate agency contract between them.

*Agent mempunyai kewajiban untuk mematuhi dan bertindak dengan mengikut arahan dari prinsipal. Dia tidak boleh mewakilkan kuasanya kepada orang lain, jika dia gagal berbuat demikian prinsipal boleh menamatkan kontrak mereka.*

CLO2  
C3

22. By referring to the statement above, which of the following legal maxims is referred to?  
*Dengan merujuk kepada kenyataan di atas, manakah maxim undang-undang yang dirujuk?*
- Nemo dat quod non habet  
*Nemo dat quod non habet*
  - Qui facit per alium facit per se  
*Qui facit per alium facit per se*
  - Delegatus non-potest delegare  
*Delegatus non-potest delegare*
  - Jus soli  
*Jus soli*

SULIT

**SULIT**CLO2  
C1

23. The definition of goods in contract of sale of goods can be referred to \_\_\_\_\_.  
*Maksud barang-barang di dalam kontrak jualan barang merujuk kepada \_\_\_\_\_.*

- A. land  
*tanah*
- B. house  
*rumah*
- C. computer  
*komputer*
- D. building  
*bangunan*

CLO2  
C2

24. Which of the following statements shows the difference between sale and agreement to sell?  
*Kenyataan manakah yang menunjukkan perbezaan antara jualan dan perjanjian untuk menjual?*

- A. The quantities of the goods to be supplied and the parties involved in the contract  
*Kuantiti barang yang dibekalkan dan pihak yang terlibat di dalam kontrak*
- B. The time when property in the goods is transferred to the buyer  
*Masa apabila barang dipindahmilikan*
- C. The price of the goods and the goods itself  
*Harga barang dan barang tersebut*
- D. The quantities of immovable goods to be supplied  
*Bilangan barangan tidak boleh alih yang dibekalkan*

**SULIT**CLO2  
C3

25. Which of the answer below is INCORRECT when applied to the Sale of Goods Act 1957?  
*Antara jawapan berikut yang manakah TIDAK BENAR apabila dikaitkan dengan Akta Jualan Barang 1957?*

- A. The goods must match with description  
*Barangan mestilah sama dengan deskripsi*
- B. In situation where goods are sold by sample, the goods must correspond with the sample  
*Dalam situasi di mana barangan dijual menggunakan contoh, barangan mestilah bertepatan dengan contoh*
- C. The goods must be of 'reasonable quality'  
*Barangan mestilah mempunyai 'kualiti yang munasabah'*
- D. The seller must have good title when selling goods  
*Penjual mestilah mempunyai hakmilik yang sah apabila menjual barang*

**SECTION B: 75 MARKS**  
**BAHAGIAN B: 75 MARKAH**

**INSTRUCTION:**

This section consists of THREE (3) essay questions. Answer ALL questions.

**ARAHAN:**

*Bahagian ini mengandungi TIGA (3) soalan eseai. Jawab SEMUA soalan.*

**QUESTION 1**

**SOALAN 1**

- CLO2 C2 (a) According to Section 2(h) of the Contracts Act 1950, contract is an agreement enforceable by law. Describe FIVE (5) elements of contract and support your answer with relevant section.  
*Merujuk kepada Seksyen 2(h) Akta Kontrak 1950, kontrak ialah perjanjian yang dikuatkuasakan oleh undang-undang. Huraikan LIMA (5) elemen kontrak dan sertakan jawapan anda dengan seksyen yang bersesuaian.* [15 marks]  
[15 markah]
- CLO2 C3 (b) Section 10 of the Contracts Act 1950 provides that all agreements are contracted if they are made by free consent of parties. By virtue of Section 14, consent is said to be free when it is not caused by some elements. Thus, illustrate FOUR (4) elements which caused a consent not to be free.  
*Seksyen 10 Akta Kontrak 1950 memperuntukan semua perjanjian adalah kontrak sekiranya dibuat dengan kerelaan bebas pihak-pihak yang berkontrak. Berdasarkan Seksyen 14, kerelaan dianggap bebas jika sekiranya tidak disebabkan oleh beberapa elemen. Huraikan EMPAT (4) elemen yang menyebabkan kerelaan dianggap tidak bebas.* [10 marks]  
[10 markah]

## QUESTION 2

## SOALAN 2

CLO2  
C1

- (a) Distinguish any TWO (2) characteristics between sole proprietor and partnership.

*Bezakan mana-mana DUA (2) ciri antara milikan tunggal dan perkongsian.*

[4 marks]

[4 markah]

CLO2  
C2

- (b) Explain FIVE (5) ways to create an agency.

*Jelaskan LIMA (5) cara agensi boleh diwujudkan.*

[10 marks]

[10 markah]

CLO2  
C3

- (c) Mr Lee was instructed by his principal, Mr Ramu to find a double storey house in Seremban for a price not more than RM500,000.00. Mr Lee found a single storey bungalow of RM700,000.00 in Nilai and without informing Mr Ramu, Mr Lee agreed with the seller, Mr Chan by paying a deposit of RM 1,000.00.

*Mr Lee telah diarahkan oleh Mr Ramu untuk mencari rumah dua tingkat di Seremban dengan harga tidak melebihi RM500,000.00. Mr Lee telah menemui sebuah banglo setingkat berharga RM700,000.00 di Nilai dan tanpa memberitahu Mr Ramu, Mr Lee bersetuju dengan penjualnya Mr Chan dengan membayar deposit sebanyak RM1,000.00.*

- (i) List an issue arises in the situation.

*Senaraikan satu isu terhadap situasi tersebut.*

[2 marks]

[2 markah]

- (ii) Explain the relevant provision of the Contracts Act 1950.

*Jelaskan peruntukan yang berkaitan di dalam Akta Kontrak 1950.*

[3 marks]

[3 markah]

- (iii) Illustrate Mr Ramu' rights to the contract in the above situation.

*Huraikan hak Mr Ramu terhadap kontrak dalam situasi di atas.*

[3 marks]

[3 markah]

- (iv) Interpret your conclusion of the above issue.

*Tuliskan kesimpulan anda mengenai isu di atas.*

[3 marks]

[3 markah]

### QUESTION 3

#### SOALAN 3

CLO2

C1

- (a) Define Nemo Dat Quod Non Habet.

*Definisikan Nemo Dat Quod Non Habet.*

[2 marks]

[2 markah]

CLO2

C2

- (b) Explain the following legal principles of sale of goods by referring to Sale of Goods Act 1957:

*Terangkan prinsip undang-undang di bawah dengan merujuk kepada Akta Jualan Barang 1957:*

- (i) Conditions and warranty

*Syarat dan warranti*

[4 marks]

[4 markah]

- (ii) Quite possession


*Milikian aman*

[4 marks]

[4 markah]

CLO2  
C3

- (c) Adham is interested to buy a pair of shoes, at Lazzado.com as follows:  
*Adham berminat untuk membeli sepasang kasut di Lazzado.com seperti berikut:*

	Gender: Man Material: Fabric and rubber Size: 39-44 Color: Black and white Price: RM100 Delivery: Free
---	---

Upon delivery, Adham found that the pair of shoes does not match with what he has ordered.

*Semasa menerima barang, Adham mendapati kasut tersebut tidak sama seperti yang dipesannya.*

Based on the situation given, you are required to:

*Berdasarkan situasi yang diberikan, anda dikehendaki:*

- (i) List an issue arises on the situation.

*Senaraikan satu isu terhadap situasi tersebut.*

[2 marks]

[2 markah]

- (ii) Explain the relevant provision of the Sale of Goods Act 1957.

*Jelaskan peruntukan yang berkaitan di dalam Akta Jualan Barang 1957.*

[4 marks]

[4 markah]

- (iii) Describe ONE (1) relevant case to support your answer.

*Huraikan SATU (1) kes yang berkaitan untuk menyokong jawapan anda.*

[6 marks]

[6 markah]

(iv) Interpret your conclusion of the above issue.

*Tuliskan kesimpulan anda kepada isu di atas.*

[3 marks]

[3 markah]

**SOALAN TAMAT**